

06 MAY 1996

Rancangan - Mahathir

RMK7 DIRANGKA UNTUK MENGUKUHKAN EKONOMI MALAYSIA, LAGI BERSATU

KUALA LUMPUR, 6 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyifatkan Rancangan Malaysia Ketujuh sebagai satu pelan induk bagi "membawa Malaysia memasuki ambang abad ke-201 bukan sahaja lebih kukuh daripada segi ekonominya tetapi juga lebih bersatu sebagai sebuah negara".

Rumusannya, Rancangan Malaysia Ketujuh bukan sahaja merangka polisi dan strategi yang diperlukan bagi pertumbuhan ekonomi yang mapan tetapi menekankan betapa pentingnya harmoni dalam aspek pembangunan material dan spiritual.

Dalam kata pendahuluannya yang tercatat di dalam dokumen 744 mukasurat itu, Perdana Menteri berkata sehingga tamat Rancangan itu, Malaysia dijangka bersedia sepenuhnya menyahut cabaran era abad yang baru dengan penuh yakin ke arah tahun 2020 dan tahun-tahun akan datang daripada segi ekonomi, sosial dan psikologi.

Dr Mahathir yang membentangkan rancangan itu di Parlimen hari ini berkata, pembangunan "seimbang" lima tahun Malaysia yang terbaru akan menfokus pembangunan ekonomi dan agenda sosial bagi menangani cabaran dan perubahan yang dijangka dihadapi oleh negara.

Walaupun kenyataan Perdana Menteri dalam kata pendahuluan beliau terutamanya menyentuh cabaran yang akan dihadapi dan strategi menanganinya, beberapa perenggan pertama pelan itu sendiri tidak menyangsikan bahawa pembangunan, cara Malaysia akan terus melangkaui dimensi ekonomi yang sebenarnya.

Dr Mahathir berkata Rancangan Malaysia Ketujuh (1996-2000) telah dirangka bagi menjana pertumbuhan rancak ekonomi yang mapan dan memastikan keuntungan pertumbuhan akan dikongsi samarata oleh warganegara setiap kumpulan etnik.

Ia juga mengambilkira keperluan pertumbuhan seimbang dengan melindungi alam sekitar dan sumber asli negara, dan memberi perhatian kemunculan berbagai-bagai masalah sosial akibat pembangunan ekonomi yang terlalu pesat.

Dr Mahathir berkata strategi pertumbuhan ekonomi dalam RMK7 akan didorong oleh produktiviti, satu peralihan daripada strategi pertumbuhan ekonomi yang didorong oleh pelaburan atau input yang diutamakan dalam rancangan terdahulu.

Peralihan ini memerlukan peningkatan keupayaan dan dayausaha kepimpinan dalam mengurus dan mengendalikan sumber bagi menjana produktiviti yang lebih tinggi oleh kedua-dua sektor awam dan swasta.

Sementara teras bagi polisi pembangunan dalam tempoh RMK7 akan terus disandarkan kepada konsep pembangunan seimbang, strategi untuk mencapainya akan turut mengandungi kaedah yang baru. "Rancangan ini merupakan adunan pragmatik strategi-strategi dan program-program yang baru dan yang telah terbukti keberkesanannya".

Antara strategi baru, menurut beliau, merupakan peralihan kepada pengeluaran berskala besar bagi eksport oleh industri-industri Malaysia -- langkah susulan yang logik dalam pertumbuhan ekonomi dan industri sekiranya negara ingin meningkatkan bahagiannya dalam pasaran dunia.

Selanjutnya, peralihan itu akan membolehkan industri yang sedang berkembang mendapat manfaat daripada ekonomi bidangan sementara penambahan dalam pasaran dunia akan membantu mengukuhkan kedudukanimbangan bayaran negara.

Dalam mengiktiraf kepentingan sumber manusia bagi mencapai pertumbuhan

ekonomi yang didorong oleh produktiviti, Dr Mahathir berkata langkah akan dipergiatkan lagi untuk memperkukuhkan asas tenaga manusia di Malaysia melalui penambahan pelaburan dalam bidang latihan dan pendidikan.

Pelan itu menyentuh cara mengatasi kekurangan tenaga buruh, terutamanya dengan mengalakkan firma-firma beralih daripada sistem pengeluaran berintensifkan buruh kepada sistem berintensifkan modal. Gunaan sumber buruh bukan tradisional pula akan membantu mengurangkan ketegangan pasaran buruh dan pergantungan negara kepada buruh asing.

Dr Mahathir berkata rancangan itu turut mengandungi beberapa strategi baru untuk memperkayakan asas sains dan teknologi (S&T), termasuk menambah pelaburan dalam pembangunan gunatenaga peringkat tinggi S&T.

"Rancangan ini juga mengandungi cadangan bagi mencapai peningkatan daripada segi kualiti serta mengalakkan penglibatan sektor swasta dalam pembangunan S&T, memupuk inovasi dan rekacipta tempatan serta mewujudkan kerjasama yang lebih erat antara agensi penyelidikan, industri dan universiti," tambahnya.

Seperti dalam beberapa rancangan yang lalu, katanya, RMK7 juga menekankan penerusan strategi pertumbuhan yang diterajui oleh sektor swasta.

Dr Mahathir berkata sektor itu memberi sumbangan yang besar tetapi menambah "sektor swasta perlu melipatgandakan usaha bagi menghadapi cabaran yang baru dan lebih kompleks, selaras dengan usaha kita menambah bahagian negara dalam pasaran dunia dalam keadaan saingan yang lebih hebat daripada ekonomi-ekonomi pasaran yang baru muncul dan yang kukuh".

"Penswastaan yang telah berjaya menyumbang kepada pertumbuhan ekonomi akan terus dipergiatkan," kata beliau.

Dalam semangat Persyarikatan Malaysia, katanya, perkhidmatan awam dan kerajaan akan terus menyediakan prasarana yang perlu dan lain-lain sokongan kepada sektor swasta.

Beliau berkata rangka RMK7, yang bertujuan membawa negara ke abad 21 secara berkesan, sebahagian besarnya dirangka berasaskan kepada matlamat-matlamat dan strategi-strategi Dasar Pembangunan Nasional (DPN).

Rancangan itu mengekalkan dan meneruskan penekanan kepada konsep pembangunan seimbang yang telah diperkenalkan buat pertama kalinya pada tahun 1991 sebagai ciri utama DPN.

Seiring dengan fokus yang diberi kepada pertumbuhan ekonomi, program pembasmian kemiskinan dan penyusunan semula masyarakat akan turut menyerupai tempoh RME tetapi perlaksanaannya akan dipergiat dan diperbaiki bagi memastikan ianya lebih berkesan.

Satu daripada elemen penting, kata Dr Mahathir adalah penglibatan yang lebih besar oleh kerajaan negeri, sektor swasta dan pertubuhan bukan kerajaan.

"Sektor swasta khususnya, dijangka memainkan peranan yang lebih aktif dalam membantu mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian Bumiputera di samping menyumbang ke arah kejayaan program mengurangkan kemiskinan.

Sementara itu, menurut pendahuluan rancangan itu, teras polisi pembangunan tidak akan hanya menekankan kemajuan ekonomi tetapi turut aspek pembangunan seperti keadilan sosial, kualiti kehidupan dan kestabilan politik dengan nilai sosial dan spiritual yang positif.

"Pendekatan pembangunan yang menyeluruh ini telah menjadi tonggak usaha pembangunan negara," tambahnya.

"Sungguhpun tumpuan ke atas isu ekonomi adalah penting, usaha pembangunan mestilah melangkaui lebih daripada lingkungan dimensi ekonomi semata-mata supaya merangkumi juga aspek kerohanian bagi mewujudkan masyarakat yang teguh dan bersatu padu dengan nilai kekeluargaan yang kukuh, disiplin diri yang tinggi serta menghayati seni dan budaya."

Menurut rancangan itu, pembangunan kebendaan semata-mata dengan mengorbankan keperluan kerohanian atau pemahaman agama yang ekstrim, akan menjejaskan pembangunan masyarakat Malaysia.

Katanya cabaran daripada pembangunan yang pesat dan peralihan sosio ekonomi yang cepat, akan menimbulkan tekanan kepada individu, keluarga dan masyarakat, kepelbagaian sosio-budaya Malaysia yang unik akan menjadi satu daripada aset terpenting negara. -- BERNAMA

MGM/LKC YY OS